

**UCAPAN ALU-ALUAN & PENGHARGAAN
HARI APRESIASI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2024**

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على امور الدنيا والدين، والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه اجمعين، اما بعد

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji
Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran
Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani,
Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim,
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan)

Yang Mulia Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai dan
Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pegawai dan Kakitangan
yang diraikan, hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa
Ta'ala sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah
Subhanahu Wa Ta'ala, yang dengan limpah kurnia, rahmat, dan inayah-
Nya, kita diberi kesempatan untuk berkumpul pada hari yang penuh
bermakna ini. Saya, selaku Penasihat Bersama Majlis ini, amat
berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Pehin Udana
Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin
Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama,
yang sudi meluangkan masa untuk hadir sebagai Tetamu Kehormat

Majlis ini. Kehadiran Yang Berhormat Pehin bukan sahaja menyuntik semangat, malah memberi makna yang mendalam kepada setiap warga kementerian.

Pada kesempatan yang mulia ini, kita bersama-sama meraikan Hari Apresiasi Kementerian Hal Ehwal Ugama Sempena Hari Perkhidmatan Awam Tahun 2024, sebuah majlis yang menandakan penghargaan kita terhadap kesungguhan, komitmen, dan dedikasi yang tidak terhingga daripada seluruh warga Kementerian dalam menyumbang kepada kemajuan negara, khususnya dalam memperkukuh dan memartabatkan aspek keagamaan, yang menjadi asas utama kepada pembangunan negara yang makmur, harmoni, dan berkat ini.

Penyampaian sijil-sijil penghargaan dan cenderamata akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin kepada penerima-penerima yang diraikan hari ini, iaitu:

1. Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB²PA) Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 Tahun 2024;
2. Penerima Anugerah Guru Cemerlang dan Anugerah Penghargaan Hari Guru (*Special Mention*) Sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34 Tahun 2024;
3. Peserta Bengkel Penyediaan Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029;
4. Pasukan Futsal Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah menjuarai Kejohanan Futsal Antara Kementerian-Kementerian Sempena

Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31 Tahun 2024 bagi Kategori Terbuka; dan

5. Pegawai dan Kakitangan Bersara Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 2023.

Alhamdulillah, sebanyak 190 sijil dan cenderamata akan disampaikan pada hari ini, sebagai tanda penghargaan yang tulus dari kami.

Kepada lima penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) dan Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB2PA), syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan. Semoga anugerah ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan yang berterusan, menjadi pembakar semangat, dan motivasi untuk berkhidmat dengan penuh amanah serta berdedikasi. Saya yakin bahawa kejayaan mereka akan terus menjadi inspirasi kepada seluruh warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan perkhidmatan awam yang lain.

Seterusnya, saya ingin memberikan penghargaan kepada lapan penerima Anugerah Hari Guru Tahun 2024. Anugerah ini adalah simbol pengiktirafan kepada usaha dan pengorbanan mereka yang tak ternilai dalam mendidik generasi masa depan kita.

Dalam majlis ini, penghargaan turut diberikan kepada Ahli Kumpulan Kerja Teknikal yang telah menyertai Bengkel Penyediaan Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029. Dengan ketekunan dan visi mereka, hala tuju kementerian bagi lima tahun mendatang telah dirangka dengan teliti, demi menjayakan Wawasan Brunei 2035. Saya yakin, setiap langkah penambahbaikan yang dirancang adalah satu usaha murni untuk memperkukuhkan mutu

perkhidmatan kementerian demi kesejahteraan ummah dan negara.

Pada kesempatan ini, buat julung-julung kali nya kita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan futsal Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berjaya mengharumkan nama kementerian dengan menjuarai Kejohanan Futsal Antara Kementerian-Kementerian. Kejayaan mereka bukan hanya menunjukkan semangat kerjasama dan kesukanan yang tinggi, tetapi juga melambangkan perpaduan dan daya juang yang harus dicontohi.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada 104 orang pegawai dan kakitangan kementerian yang telah bersara pada tahun 2023. Jasa dan sumbangan mereka kepada negara, khususnya dalam menyumbang kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kementerian Hal Ehwal Ugama, adalah satu legasi yang tidak ternilai. Semoga setiap khidmat dan bakti yang telah dicurahkan menjadi amal jariah yang berpanjangan dan mendapatkan ganjaran yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin atas kehadiran beliau dan kesudian untuk menyempurnakan penyampaian sijil-sijil penghargaan. Terima kasih juga diucapkan kepada jemputan khas, pegawai kanan, dan seluruh warga kementerian atas kehadiran dan sokongan mereka pada majlis ini. Tidak dilupakan juga, penghargaan yang tulus kepada Ahli Jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus memastikan kejayaan majlis ini dan kepada pihak media atas kesudian meliputi acara ini. Semoga majlis ini dilimpahi keberkatan oleh Allah Subhanahu Wa

Ta'ala. Amin.

